

# Peruntukan RM6 habis

KUALA TERENGGANU, 15 Julai 1992 — Kerajaan akan berbelanja dengan lebih berhati-hati pada masa depan berikutan semua peruntukan Rancangan Malaysia Keenam (RM6) sudah habis dibelanjakan untuk pembangunan di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata projek yang dianggap penting seperti pembinaan pelabuhan, lapangan terbang, landasan keretapi dan kemudahan pendidikan adalah antara yang akan diberi perhatian.

"Habis" adalah juga permohonan daripada kerajaan negeri yang akan kita timbang. Tetapi saya terpaksa jelaskan oleh kerana tekanan keperluan infrastruktur, kita sudah mencapai kemuncak perbelanjaan RM6.

"Oleh itu, kita perlu belanja dengan berhati-hati melainkan jika sesuatu itu perlu, baru kita belanja. Bagi sesetengah projek yang tidak dapat dilaksanakan oleh kerajaan, pelaksanaannya akan diserahkan kepada sektor swasta," katanya.

Dr Mahathir menjawab soa-

lan pemberita selepas mendedar taklimat tertutup mengenai pembangunan Terengganu oleh Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, di Menara Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT).

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan empat hari ke negeri ini dan akan mempengerusikan mesyuarat Kabinet di sini esok, puas hati dengan perbelanjaan Kerajaan Terengganu.

Dr Mahathir berkata, Terengganu banyak menggunakan hasil royalti minyak bagi

tujuan itu dan berharap ia dinikmati rakyat.

Menurutnya, Kerajaan Pusat juga akan menimbang permohonan Kerajaan Terengganu untuk mendapatkan peruntukan \$34 juta bagi projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud.

Mengenai pelancongan, Perdana Menteri berkata, wujud perbezaan ketara di antara pulau di Pantai Timur dan Langkawi. Pulau di Pantai Timur, katanya, tidak mempunyai tanah sesuai, berbukit dan menghalang pem-

LIHAT MUKA 2

## Pulau sesuai untuk menyelam

DARI MUKA 1

bangunan serta memerlukan perbelanjaan besar.

"Selain itu, pulau di negeri ini menghadapi masalah kekurangan air. Satu cara mengatasi masalah ini ialah membawa air dari daratan tetapi ia memerlukan kos tinggi. Cara lain ialah memproses air laut menjadi air tawar sekurang-kurangnya untuk air mandi.

"Bagaimanapun, berbanding Langkawi yang pulaunya luas, keadaan pulau di Terengganu sesuai bagi pelancong yang suka menyelam," katanya.